



Dari kiri, Thavaramara, Ranjit, Boon Ngiap dan Bocker pada majlis memeterai MoU tiga pengawal selia pasaran modal ASEAN di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO SALHANI IBRAHIM/BH]

Tiga negara meterai MoU

» Wujud
Rangka Kerja
Semakan
Seragam bagi
Prospektus
ASEAN

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Tiga pengawal selia pasaran modal ASEAN semalam memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi mewujudkan Rangka Kerja Semakan Seragam bagi Prospektus ASEAN.

Pihak berkuasa terbabit ialah Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia, Pihak Berkuasa Monetari Singapura (MAS) serta Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Thailand (SEC).

Rangka Kerja Semakan Seragam itu adalah inisiatif di bawah Pelan Pelaksanaan Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF) yang diluluskan Menteri-Menteri Kewangan ASEAN pada 2009 bagi meningkatkan daya tarikan ASEAN sebagai pusat pengumpulan dana.

Di bawah rangka kerja itu, penerbit yang mahu menyenaraikan dan menawarkan ekuiti atau sekuriti hutang biasa, kini boleh menjangkakan masa ke pasaran lebih pendek serta akses kepada modal lebih cepat dalam kalangan negara yang memeterai MoU berkenaan, mengguna pakai satu proses semakan seragam.

Pengerusi SC, Datuk Ranjit Ajit Singh, berkata matlamat utama inisiatif itu untuk memastikan proses lebih lancar bagi pener-

bit yang mahu menyenaraikan ekuiti atau sekuriti hutang di lebih daripada satu pasaran yang memeterai yurisdiksi ACMF.

"Secara ringkasnya, ia akan memendekkan tempoh diperlukan berbanding sekarang kepada penerbit yang menawarkan ekuiti atau sekuriti hutang biasa pelbagai yurisdiksi di ASEAN," katanya pada majlis memeterai MoU antara ketiga-tiga pengawal selia pasaran modal itu di Kuala Lumpur, semalam.

Ranjit memeterai MoU itu bagi pihak SC; MAS diwakili Penolong Pengarah Urusan (Kumpulan Pasaran Modal), Lee Boon Ngiap dan SEC oleh Timbalan Ketua Setiausaha, Khun Tipsuda Thavaramara.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Singapore Exchange Ltd, Magnus Bocker.

MoU dimeterai sempena Mesyuarat ACMF Ke-22 yang dianjurkan SC sebagai Pengerusi ACMF sekarang.

Beri petunjuk

Pelaksana MoU itu bercadang melaksanakan Rangka Kerja Semakan Seragam bagi Prospektus ASEAN dengan buku panduan terbitan bersama menjelang suku ketiga tahun ini.

Buku panduan berkenaan akan memberikan petunjuk mengenai pelbagai hal pentadbiran dan prosedur, termasuk kriteria untuk terbitan, prosedur permohonan serta garis masa semakan.

"Semua anggota menyertai usaha ini, justeru memastikan bahawa keperluan yang dinyatakan adalah bersesuaian bagi penyertaan masa depan. Kami menjangkakan lebih banyak anggota ACMF akan memeterai MoU ini sebaik sahaja mereka memenuhi keperluan ditetapkan," katanya.